**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5**
**SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

---

# SEJARAH
## Kertas 3

---

# Peraturan Pemarkahan

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **21** halaman bercetak

**1249/3** © 2019 Hak cipta MPSM Negeri Sembilan **SULIT**

## KERTAS 3

Pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan / tugasan berikut :

**1** Jelaskan tentang pakatan murni. [5 *markah*]

| | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| F1 | Usaha semua kaum di Tanah Melayu | 1 |
| F2 | Menghasilkan satu kerjasama | 1 |
| F3 | Tolak ansur politik | 1 |
| F4 | Melalui rundingan | 1 |
| F5 | Setiap kaum mempunyai tuntutan/masalah yang tersendiri | 1 |
| F6 | Jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum | 1 |
| F7 | Mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi | 1 |
| F8 | Bekerjasama membentuk permuafakatan politik | 1 |
| F8 | Usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan | 1 |
| F9 | Keharmonian kaum dicapai tanpa menumpahkan darah | 1 |
| | **ms. 119, 125 dan 130** [Mana-mana 5 x 1*m*] | **[5 *m*]** |

2 Terangkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam mewujudkan pakatan murni di Tanah Melayu sebelum pembentukan Parti Perikatan. [20 *markah*]

| | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| F1 | **Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum/ Communities Liaison Committee (CLC)** | 1 |
| F2 | Peringkat permulaan CLC hanya dianggotai dua kaum terbesar | 1 |
| F3 | Terdiri daripada orang Melayu dan Cina | 1 |
| F4 | Orang Melayu bernaung di bawah UMNO | 1 |
| F5 | Dipimpin oleh Dato' Onn Ja'afar | 1 |
| F6 | Orang Cina dinaungi oleh Persatuan Cina Malaysia/Malayan Chinese Association (MCA) | 1 |
| F7 | Dipimpin oleh Tan Cheng Lock | 1 |
| F8 | Bulan Ogos 1949 CLC dianggotai enam orang pemimpin Melayu/ enam orang pemimpin Cina/seorang wakil kaum India/Sri Lanka/Serani/Eropah | 1 |
| F9 | Sebagai titik permulaan kerjasama kaum | 1 |
| F10 | Perubahan kepada dasar UMNO | 1 |
| F11 | Kerana kesanggupan berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara | 1 |
| F12 | Satu pendekatan baru dalam politik Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F13 | Hasil daripada perundingan UMNO-CLC, beberapa perkara telah dipersetujui | 1 |
| F14 | Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa/Rural Industrial Development Autority (RIDA) pada bulan Oktober 1950 | 1 |
| F15 | RIDA bertujuan memajukan ekonomi/pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu | 1 |
| F16 | Pengerusi pertama RIDA ialah Dato' Onn Ja'afar | 1 |
| F17 | Kerakyatan Negeri 1951 | 1 |
| F18 | Diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F19 | Dengan syarat ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu | 1 |
| F20 | Pilihan raya akan diadakan pada masa sesuai | 1 |
| F21 | Di peringkat perbandaran/negeri/Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) | 1 |
| F22 | **Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu** | 1 |
| F23 | Dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar | 1 |
| F24 | Dikecam hebat | 1 |
| F25 | Masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO | 1 |
| F26 | Dato' Onn Ja'afar meninggalkan UMNO | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| F27 | **Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya/Independence Malayan Party (IMP)** | 1 |
| F28 | Dato' Onn Ja'afar menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti | 1 |
| F29 | Terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja | 1 |
| F30 | Untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F31 | Dato' Onn Ja'afar menyedari perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu | 1 |
| F31 | Kerakyatan 1951 tidak menjadikan orang Melayu sebagai sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu | 1 |
| F32 | Orang bukan Melayu juga menjadi rakyat Tanah Melayu | 1 |
| F33 | IMP gagal mendapat sambutan daripada pelbagai kaum seperti Cina/kaum India/kaum lain di Tanah Melayu | 1 |
| F34 | Merasakan perpaduan terlalu asing bagi mereka | 1 |
| F35 | **Persidangan Kebangsaan** | 1 |
| F36 | Ditubuhkan oleh Sir Malcom MacDonald di King's House, Kuala Lumpur pada Februari 1953 | 1 |
| F37 | Untuk mencapai kerjasama politik | 1 |
| F38 | Mengurangkan perasaan perkauman dalam kalangan penduduk Tanah Melayu | 1 |
| F39 | Diisytiharkan pada April 1953 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | 1 |
| F40 | Dipengerusikan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang | 1 |
| F41 | Disokong oleh beberapa orang Menteri Besar | 1 |
| F42 | **Konvensyen Kebangsaan** | 1 |
| F43 | Dianjurkan oleh Tunku Abdul Rahman bersama MCA | 1 |
| F44 | Disertai pelbagai parti/persatuan politik | 1 |
| F45 | Merupakan asas kepada pembentukan Parti Perikatan | 1 |
| | **ms. 119-121** [Mana-mana 20 x 1*m*] | [*20 m*] |

3 Parti Perikatan telah berjaya memenangi beberapa siri pilihan raya dan seterusnya membawa kepada rundingan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Buktikan pernyataan tersebut. [20 *markah*]

| | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| F1 | Kerjasama UMNO-MCA dibentuk apabila British ingin mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952 | 1 |
| F2 | Kerjasama UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor telah dijalankan | 1 |
| F3 | Antara Dato' Abdul Razak Yahya dan Ong Yoke Lin | 1 |
| F4 | Gabungan UMNO-MCA telah memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan | 1 |
| F5 | Gabungan UMNO-MCA telah memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama | 1 |
| F6 | Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya negeri tahun 1953 | 1 |
| F7 | Kemenangan menunjukkan pemuafakatan kaum dalam pelbagai parti diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| F8 | Kerjasama UMNO-MCA telah mengasaskan penubuhan Parti Perikatan | 1 |
| F9 | Kemudiannya disertai oleh MIC pada tahun 1955 | 1 |
| F10 | British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1954 | 1 |
| F11 | Jawatankuasa ini diketuai oleh pemimpin parti politik | 1 |
| F12 | Contoh : Parti Negara/UMNO/MCA/MIC | 1 |
| F13 | Dan pegawai -pegawai tinggi British | 1 |
| F14 | Jawatankuasa tersebut mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya | 1 |
| F15 | 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British | 1 |
| F16 | Parti Perikatan telah memenangi pilihan raya MPP yang diadakan pada 27 Julai 1955 | 1 |
| F17 | Parti Perikatan membentuk manifesto dalam pilihan raya tersebut | 1 |
| F18 | Mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun | 1 |
| F19 | Mewajibkan pendidikan | 1 |
| F20 | Menjadikan pentadbiran awam bercorak tempatan | 1 |
| F21 | Menjaga hak asasi manusia | 1 |
| F22 | Melindungi hak Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan | 1 |
| F23 | Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| F24 | Parti-parti yang mengambil bahagian ialah Parti Perikatan/Parti Negara/Persatuan Islam Se-Tanah Melayu(PAS)/Liga Melayu Perak (LMP)/Malayan Party/Parti Buruh/People's Progressive Party(PPP)/ Bebas | 1 |
| F25 | Kemenangan Parti Perikatan telah membolehkan Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri | 1 |
| F26 | Dan membentuk kabinet | |
| F27 | Pembahagian anggota kabinet terdiri daripada pelbagai kaum | 1 |
| F28 | Kabinet berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai | 1 |
| F29 | Terdapat sedikit perubahan dari segi keanggotaan ahli kabinet selepas Tanah Melayu merdeka | 1 |
| F30 | Tunku Abdul Rahman telah mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada Februari 1956 | 1 |
| F31 | Beliau disertai oleh Dr Ismail Abdul Rahman/Dato' Abdul Razak Hussein/Kolonel H. S. Lee | 1 |
| F32 | Empat orang wakil Sultan iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang (Ketua)/Dato' Nik Ahmed Kamil/Encik Abdul Aziz Majid/Dato' Mohd. Seth | 1 |
| F33 | Perundingan tersebut dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British | 1 |
| F34 | Rundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956 | 1 |
| F35 | Sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan telah dibentuk | 1 |
| F36 | British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| F37 | Tunku Abdul Rahman membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka | 1 |
| F38 | Pakatan Murni mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi | 1 |
| F39 | Mereka bekerjasama membentuk pemuafakatan politik Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | **ms. 121 - 125** [Mana-mana 20 x 1*m*] | **[20 *m*]** |

4 Kejayaan pakatan murni merupakan hasil sumbangan para pemimpin yang berwibawa. Bincangkan. [20 *markah*]

| | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| **F1** | **Dato' Onn Ja'afar** | 1 |
| H1a | Menubuhkan UMNO pada Mac 1946 | 1 |
| H1b | Menjadi presiden UMNO pertama | 1 |
| H1c | Menyatukan orang-orang Melayu untuk membantah Malayan Union | 1 |
| H1d | Julai 1950, Dato' Onn Ja'afar berunding dengan British berkaitan dengan penubuhan Sistem Ahli | 1 |
| H1e | Sistem Ahli melatih penduduk tempatan dan kaum-kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu | 1 |
| H1f | Dato' Onn Ja'afar mengetuai ahli dalam negeri | 1 |
| H1g | Menganggotai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum/CLC | 1 |
| H1h | Titik permulaan kerjasama kaum/mengubah dasar UMNO | 1 |
| H1i | Sanggup berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara | 1 |
| H1j | Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA) | 1 |
| H1k | Menjadi pengerusi pertama RIDA | 1 |
| H1l | Memajukan ekonomi/pendidikan masyarakat luar bandar/kaum Melayu | 1 |
| H1m | Kerakyataan Negeri 1951 | 1 |
| H1n | Diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| H1o | Mencadangkan diadakan pilihan raya | 1 |
| H1p | Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaraan, negeri, dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) | 1 |
| H1q | Membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu | 1 |
| H1r | Ahlinya terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| H1s | Penubuhan Parti Kemerdekaan (IMP) | 1 |
| H1t | Menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti | 1 |
| H1u | IMP dibuka kepada semua kaum yang mahu bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| **F2** | **Tunku Abdul Rahman** | 1 |
| H2a | Menubuhkan Persidangan Kebangsaan pada 1953 | 1 |
| H2b | Untuk mencapai kerjasama politik | 1 |
| H2c | Mengurangkan perasaan perkauman dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| H2d | Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama MCA | 1 |
| H2e | Disertai oleh pelbagai parti/persatuan politik | 1 |
| H2f | Mewujudkan kerjasama UMNO-MCA | 1 |
| H2g | Berjaya dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 dengan memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan | 1 |
| H2h | Gabungan UMNO-MCA memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama | 1 |
| H2i | Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi dalam pilihan raya negeri pada tahun 1954 | 1 |
| H2j | Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti | 1 |
| H2k | Kerjasama UMNO-MCA menjadi asas kepada penubuhan Parti Perikatan | 1 |
| H2l | Pada tahun 1955 MIC menyertai Parti Perikatan | 1 |
| H2m | Parti Perikatan telah menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dan kerjasama UMNO-MCA dalam pilihan raya Majlis Perbandaraan di beberapa bandar utama pada tahun 1955 | 1 |
| H2n | Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan | 1 |
| H2o | Melantik Tuanku Abdul Rahman sebagai ketua menteri | 1 |
| H2p | Membentuk kabinet Tanah Melayu yang pertama | 1 |
| H2q | Pembahagian anggota kabinetnya terdiri daripada pelbagai kaum | 1 |
| H2r | Berjaya membentuk jawatankuasa rombongan kemerdekaan London pada 1956 | 1 |
| H2s | Mengadakan rundingan kemerdekaan di London | 1 |
| H2t | Kejayaan mendapat tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| H2u | Membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka | 1 |
| H2v | Mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi | 1 |
| H2w | Membentuk sebuah kerajaan demokrasi/berkonsepkan Raja Berperlembagaan | 1 |
| H2x | Berjaya mendapat sokongan dari pemimpin Melayu dan bukan Melayu | 1 |
| H2y | Pakatan murni mampu mewujudkan perpaduan/keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah | 1 |
| H2z | Rakyat menikmati apa yang telah dibincangkan/dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| **F3** | **Tan Cheng Lock** | 1 |
| H3a | Menerajui Malayan Chinese Association (MCA) | 1 |
| H3b | Menganggotai Jawatankuasa Antara Kaum/CLC | 1 |
| H3c | Menjadi presiden Dewan Perniagaan Cina Malaya | 1 |
| H3d | Menjadi presiden MCA yang pertama | 1 |
| **F4** | **Tun V.T.Sambanthan** | 1 |
| H4a | Menuntut kemerdekaan negara bersama Tunku Abdul Rahman | 1 |
| H4b | Menjadi presiden MIC pertama | 1 |
| H4c | Menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum | 1 |
| H4d | Menyeru kaum India supaya memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara | 1 |
| | **ms. 119 - 125** [Mana-mana 20 x 1*m*] | **[20 *m*]** |

5 Huraikan langkah berterusan kerajaan untuk mengekalkan semangat pakatan murni dalam kalangan rakyat Malaysia. [10 *markah*]

| Perincian | Markah |
|---|---|
| Aras 4<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam<br>Fakta sangat tepat<br>Membuat inferens lanjut dan tepat<br>Hampir semua isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang sangat jelas<br>Pengolahan/komunikasi sangat menarik<br><br>**Contoh 1:**<br><br>*Isi* — *Menggalakkan bekerjasama/perpaduan antara kaum*<br>*Huraian* — *Saling menghormati/menghargai*<br>*Huraian lanjutan* — *Tidak bersikap fanatik/taksub mengenai sesuatu isu sensitif*<br>*Contoh* — *Mengadakan rumah terbuka semasa musim perayaan/mengamalkan ziarah menziarahi*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian masyarakat/keamanan negara*<br><br>**Contoh 2 :**<br><br>*Isi* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran/politik*<br>*Huraian* — *Setiap kaum berpeluang memegang jawatan/portfolio/ pentadbiran/politik*<br>*Huraian lanjutan* — *Menolak politik perkauman/mementingkan kaum sendiri*<br>*Contoh* — *Pakatan Harapan(PH) adalah gabungan parti politik pelbagai kaum seperti PKR/Amanah/Bersatu/DAP/ Warisan*<br>*Inferens* — *Mewujudkan sistem politik yang stabil/kukuh*<br><br>(Mana-mana jawapan munasabah) | 9-10 |

| | |
|---|---|
| Aras 3<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam<br>Fakta tepat<br>Membuat inferens yang tepat<br>Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang atau hampir semua isi dihuraikan tetapi kurang mendalam<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang jelas<br>Komunikasi/pengolahan menarik<br><br>**Contoh 1:**<br><br>*Isi* — *Menggalakkan bekerjasama/perpaduan antara kaum*<br>*Huraian* — *Saling menghormati/menghargai*<br>*Contoh* — *Mengadakan rumah terbuka semasa musim perayaan/mengamalkan ziarah-menziarahi*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian masyarakat/keamanan negara*<br><br>**Contoh 2 :**<br><br>*Isi* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran/politik*<br>*Huraian* — *Setiap kaum berpeluang memegang jawatan/portfolio/pentadbiran/politik*<br>*Contoh* — *Pakatan Harapan(PH) adalah gabungan parti politik pelbagai kaum seperti PKR/Amanah/Bersatu/DAP/ Warisan*<br>*Inferens* — *Mewujudkan sistem politik yang stabil/kukuh*<br><br>(Mana-mana jawapan munasabah) | 7-8 |

| | |
|---|---|
| Aras 2<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman jelas<br>Fakta yang agak tepat<br>Memberi inferens yang mudah<br>Kurang isi penting<br>Huraian tidak mendalam/tidak seimbang<br>Huraian disertakan dengan penyataan atau bukti yang terhad<br>Komunikasi/pengolahan kurang menarik<br><br>**Contoh 1:**<br><br>*Isi* — *Menggalakkan bekerjasama/perpaduan antara kaum*<br>*Huraian* — *Saling menghormati/menghargai*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian masyarakat/keamanan negara*<br><br>**Contoh 2 :**<br><br>*Isi* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran/politik*<br>*Huraian* — *Setiap kaum berpeluang memegang jawatan/portfolio/pentadbiran/politik*<br>*Inferens* — *Mewujudkan sistem politik yang stabil/kukuh*<br><br>(Mana-mana jawapan munasabah) | 4-6 |

| | |
|---|---|
| Aras 1<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad<br>Fakta masih tepat tetapi secara umum tanpa penerangan<br>Tiada bukti dan contoh yang sesuai<br>Tiada inferens<br>Komunikasi/pengolahan tidak menarik<br><br>**Contoh 1:**<br><br>*Isi* *Menggalakkan bekerjasama/perpaduan antara kaum*<br>*Huraian* *Saling menghormati/menghargai*<br><br>**Contoh 2 :**<br><br>*Isi* *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran/politik*<br>*Huraian* *Setiap kaum berpeluang memegang jawatan/portfolio/pentadbiran/politik*<br><br>(Mana-mana jawapan munasabah) | 1-3 |
| ***Jumlah*** | **[10 *m*]** |

6 Bincangkan cabaran untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan langkah untuk mengatasi cabaran tersebut. [10 *markah*]

| Perincian | Markah |
|---|---|
| Aras 4<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam<br>Fakta sangat tepat<br>Membuat inferens lanjut dan tepat<br>Hampir semua isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang sangat jelas<br>Pengolahan/komunikasi sangat menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Cabaran*</u><br>*Isi* — *Perbezaan agama/kepercayaan*<br>*Huraian* — *Tidak menghormati agama/kepercayaan kaum lain*<br>*Huraian lanjutan* — *Mempersendakan agama/mempersendakan kepercayaan kaum lain/mempersoalkan isu-isu sensitif*<br>*Bukti* — *Mempersendakan Nabi Muhammad SAW*<br>*Inferens* — *Mewujudkan ketegangan/menjejaskan keharmonian kaum*<br><br><u>*Langkah*</u><br>*Isi* — *Memahami/menghormati agama/menghormati kepercayaan kaum lain*<br>*Huraian* — *Mengelakkan salah faham antara kaum*<br>*Huraian lanjutan* — *Menerima kewujudan perbezaan agama/kebudayaan dengan terbuka*<br>*Bukti* — *Perkara 11(1) memperuntukkan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian/perpaduan masyarakat berbilang kaum* | 9 - 10 |

| | |
|---|---|
| Aras 3<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam<br>Fakta tepat<br>Membuat inferens yang tepat<br>Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang atau hampir semua isi dihuraikan tetapi kurang mendalam<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang jelas<br>Komunikasi/pengolahan menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Cabaran*</u><br>*Isi* — *Perbezaan agama/kepercayaan*<br>*Huraian* — *Tidak menghormati agama/kepercayaan kaum lain*<br>*Bukti* — *Mempersendakan Nabi Muhammad SAW*<br>*Inferens* — *Mewujudkan ketegangan/menjejaskan keharmonian kaum*<br><br><u>*Langkah*</u><br>*Isi* — *Memahami/menghormati agama/menghormati kepercayaan kaum lain*<br>*Huraian* — *Mengelakkan salah faham antara kaum*<br>*Bukti* — *Perkara 11(1) memperuntukkan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian/perpaduan masyarakat berbilang kaum* | 7 - 8 |

| | |
|---|---|
| Aras 2<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman jelas<br>Fakta yang agak tepat<br>Membuat inferens yang mudah<br>Kurang isi penting<br>Huraian tidak mendalam/tidak seimbang<br>Huraian diserta dengan pernyataan atau bukti yang terhad<br>Komunikasi/pengolahan kurang menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Cabaran*</u><br>*Isi* — *Perbezaan agama/kepercayaan*<br>*Huraian* — *Tidak menghormati agama/kepercayaan kaum lain*<br>*Inferens* — *Mewujudkan ketegangan/menjejaskan keharmonian kaum*<br><br><u>*Langkah*</u><br>*Isi* — *Memahami/menghormati agama/menghormati kepercayaan kaum lain*<br>*Bukti* — *Perkara 11(1) memperuntukkan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia*<br>*Inferens* — *Mengukuhkan keharmonian/perpaduan masyarakat berbilang kaum* | 4 - 6 |

| | |
|---|---|
| Aras 1<br><br>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad<br>Fakta masih tepat tetapi secara umum tanpa penerangan<br>Tiada bukti dan contoh yang sesuai<br>Tiada inferens<br>Komunikasi/pengolahan tidak menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Cabaran*</u><br>*Isi* *Perbezaan agama/kepercayaan*<br>*Huraian* *Tidak menghormati agama/kepercayaan kaum lain*<br><br><u>*Langkah*</u><br>*Isi* *Memahami/menghormati agama/menghormati kepercayaan kaum lain* | 1 – 3 |
| ***Jumlah*** | **[10 *m*]** |

*Catatan :*
Jika calon menghuraikan cabaran sahaja, ***markah maksimum 5***.
Jika calon menghuraikan langkah sahaja, ***tiada markah diberikan***.

7 Huraikan iktibar yang anda peroleh daripada kajian anda terhadap pelaksanaan pakatan murni ke arah keharmonian negara. [10 *markah*]

| Perincian | Markah |
|---|---|
| Aras 4<br><br>Menunjukkan iktibar yang sangat tepat dan sangat sesuai dengan tugasan<br>Membuat inferens lanjut dan tepat<br>Hampir semua isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang sangat jelas<br>Pengolahan/komunikasi sangat menarik.<br><br>**Contoh :**<br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Mengamalkan sikap keterbukaan antara kaum/pemimpin*<br>*Huraian* — *Mewujudkan tolak ansur/toleransi*<br>*Huraian lanjutan* — *Melalui musyawarah/ permuafakatan/rundingan*<br>*Bukti* — *Sebarang perubahan akta perlu mendapat suara majoriti Ahli Parlimen*<br>*Inferens* — *Mewujudkan keadilan/kesaksamaan antara kaum*<br><br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Kerjasama antara kaum/pemimpin politik*<br>*Huraian* — *Mentadbir negara mengikut acuan Malaysia*<br>*Huraian lanjutan* — *Berperanan membentuk/mengubal/melaksanakan dasar*<br>*Bukti* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran negara iaitu Pakatan Harapan menerajui kerajaan yang terdiri daripada pelbagai parti/kaum*<br>*Inferens* — *Mewujudkan semangat persefahaman/setia kawan* | 9 - 10 |

| | |
|---|---|
| Aras 3<br><br>Menunjukkan iktibar yang tepat dan seuai dengan tugasan<br>Membuat inferens yang tepat<br>Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang atau hampir semua isi dihuraikan tetapi kurang mendalam<br>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang jelas<br>Komunikasi/pengolahan menarik<br><br>**Contoh :**<br>*<u>Iktibar</u>*<br>*Isi* — *Mengamalkan sikap keterbukaan antara kaum/pemimpin*<br>*Huraian* — *Mewujudkan tolak ansur/toleransi*<br>*Bukti* — *Sebarang perubahan akta perlu mendapat suara majoriti Ahli Parlimen*<br>*Inferens* — *Mewujudkan keadilan/kesaksamaan antara kaum*<br><br>*<u>Iktibar</u>*<br>*Isi* — *Kerjasama antara kaum/pemimpin politik*<br>*Huraian* — *Mentadbir negara mengikut acuan Malaysia*<br>*Bukti* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran negara iaitu Pakatan Harapan menerajui kerajaan yang terdiri daripada pelbagai parti/kaum*<br>*Inferens* — *Mewujudkan semangat persefahaman/setia kawan* | 7 - 8 |

| | |
|---|---|
| Aras 2<br><br>Menunjukkan iktibar yang seuai dengan tugasan<br>Membuat inferens yang mudah<br>Kurang isi penting<br>Huraian disertakan dengan pernyataan atau bukti yang terhad<br>Komunikasi/pengolahan kurang menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Mengamalkan sikap keterbukaan antara kaum/pemimpin*<br>*Huraian* — *Mewujudkan tolak ansur/toleransi*<br>*Inferens* — *Mewujudkan keadilan/kesaksamaan antara kaum*<br><br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Kerjasama antara kaum/pemimpin politik*<br>*Bukti* — *Perkongsian kuasa dalam pentadbiran negara iaitu Pakatan Harapan menerajui kerajaan yang terdiri daripada pelbagai parti/kaum*<br>*Inferens* — *Mewujudkan semangat persefahaman/setia kawan* | 4 - 6 |
| Aras 1<br><br>Menyatakan iktibar secara umum tanpa penerangan<br>Tiada bukti dan contoh yang sesuai<br>Tiada inferens<br>Komunikasi/pengolahan tidak menarik<br><br>**Contoh :**<br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Mengamalkan sikap keterbukaan antara kaum/pemimpin*<br>*Huraian* — *Mewujudkan tolak ansur/toleransi*<br><br><u>*Iktibar*</u><br>*Isi* — *Kerjasama antara kaum/pemimpin politik* | 1 - 3 |
| ***Jumlah*** | **[10 *m*]** |

**8** Buat rumusan tentang pelaksanaan pakatan murni ke arah keharmonian negara.

[5 *markah*]

| **Perincian** | **Markah** |
|---|---|
| Aras 3<br><br>Rumusan yang sangat sesuai dan menggambarkan keseluruhan tugasan yang berkaitan dengan tema | 4 – 5 |
| Aras 2<br><br>Rumusan yang sesuai dan menggambarkan hampir keseluruhan tugasan yang berkaitan dengan tema | 2 – 3 |
| Aras 1<br><br>Rumusan yang ringkas/kurang sesuai dan tidak menggambarkan keseluruhan tugasan yang berkaitan dengan tema | 1 |
| ***Jumlah*** | **[5 *m*]** |

*Catatan :*

| | | |
|---|---|---|
| *P* | : *Pengetahuan* | 1 *m* |
| *N* | : *Nilai* | 1 *m* |
| *UP* | : *Unsur patriotisme* | 1 *m* |
| *H* | : *Harapan* | 2 *m* |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**